

JABATAN KORPORAT

TARIKH:09.02.2023 MASA:2.48 PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PUSPANITA MBSP KALI KE-24 TAHUN 2023

TARIKH / MASA / TEMPAT
10 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)
8.00 PAGI

DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA MBSP
BANDAR PERDA

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Datin Zuraidah binti Mohamed

Pengerusi PUSPANITA Pulau Pinang

Yang Berbahagia Datin Razimah binti Mohamed

Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Noraisyah binti Hashim

Timbalan Pengerusi PUSPANITA MBSP

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Barisan Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA MBSP 2021 - 2023

Ahli-Ahli PUSPANITA MBSP

Rakan-Rakan media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun pada pagi yang barakah ini di mana kita semua dapat berhimpun dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai Kali Ke-24 Tahun 2023. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada PUSPANITA MBSP, kerana sudi menjemput saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali-24 Tahun 2023.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datin Zuraida binti Dahari, Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang, atas kesudian beliau meluangkan masa untuk hadir ke Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali Ke-24 Tahun 2023, walaupun beliau begitu sibuk dengan tugas harian.

Saya juga ingin merakam setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang telah berjaya menganjurkan Majlis

pada pagi ini. Walaupun masing-masing sibuk dan mempunyai komitmen terhadap tugas seharian, namun mereka masih membahagikan masa untuk merancang, mengatur pelbagai program dan aktiviti untuk PUSPANITA. Syabas dan Tahniah!

Terima kasih juga atas kehadiran ahli-ahli PUSPANITA yang telah memberi komitmen dan meluangkan masa bagi sama-sama kita menjayakan majlis kita pada hari ini. Semoga komitmen dan kesungguhan yang dipamerkan oleh puan-puan hari ini, menjadi pembakar semangat kepada barisan Ahli Jawatankuasa untuk bergiat aktif dan memacu PUSPANITA MBSP dengan lebih cemerlang.

**Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia dengan nama singkatannya PUSPANITA, telah dilancarkan dengan rasminya pada 1 Mac 1983 oleh Penaung PUSPANITA yang pertama, Tun Dr. Siti Hasmah Binti Haji Mohd Ali. PUSPANITA adalah sebuah pertubuhan yang *relevant* dan penting berbanding dengan pertubuhan-pertubuhan lain. Penubuhan PUSPANITA merupakan salah satu detik

sejarah dalam pembangunan wanita di negara kita yang memberi sokongan dan sumbangan positif terhadap usaha-usaha Kerajaan membangunkan Negara, melalui kerja-kerja amal bakti. Kukuhnya sesuatu persatuan itu bergantung kepada komitmen kepada setiap ahli-ahlinya.

PUSPANITA MBSP telah berjaya menganjurkan sebanyak 25 program atau aktiviti sepanjang 2022 yang berbentuk pengetahuan, keusahawanan, sukan, kesihatan, keterampilan, keagamaan dan kekeluargaan untuk meningkatkan kefahaman di bidang-bidang berkenaan serta membantu ahli-ahli dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam. Dari pemerhatian saya, program-program yang telah dilaksanakan ini ternyata banyak memberi impak positif dan memenuhi objektif penubuhan PUSPANITA iaitu untuk merapatkan perhubungan muhibah dan menyatupadukan warga kerja wanita serta isteri-isteri kakitangan MBSP. PUSPANITA MBSP hendaklah terus memainkan peranan dan tanggungjawab dalam menjayakan usaha-usaha kerajaan memperkasakan peranan wanita.

Program / aktiviti melalui PUSPANITA adalah salah satu medium untuk membina nilai integriti yang merupakan satu *ingredient* yang paling penting dalam mencapai tadbir urus yang cemerlang. Dalam sesebuah organisasi khasnya seperti MBSP kita tidak dapat lari daripada bergantung kepada

integriti setiap daripada individu kerana integriti yang tinggi itulah yang akan menentukan jatuh bangun sesebuah organisasi. Begitu juga dengan persatuan, integriti itu adalah enjin penggerak dalam berpersatuan. Saya selalu menekankan agar konsep ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*) diamalkan dalam pelaksanaan semua program / aktiviti PUSPANITA yang direncanakan serta dalam hal ehwal berpersatuan.

Setakat hari ini, saya difahamkan PUSPANITA MBSP mempunyai keahlian berjumlah 675 orang. Saya berharap AJK Induk PUSPANITA dapat menarik minat lebih ramai lagi untuk menjadi Ahli PUSPANITA. Keperluan berpersatuan adalah selari dengan kehendak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melihat lebih ramai kaum wanita bangkit mengorak langkah menerajui tampuk pentadbiran setanding dengan kaum lelaki. Selaras dengan visi Penang 2030 yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dasar Keterangkuman Gender diwujudkan untuk memperkasakan kesaksamaan gender tanpa mengira etnik, agama dan status sosio-ekonomi. Saya juga menyeru agar komponen *Sustainable Developments Goals (SDG) 5: Gender Equality & Women's Empowerment* dan *SDG 11: Sustainable Cities & Communities* diterapkan dalam semua penganjuran program PUSPANITA MBSP.

**Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Saya difahamkan, Mesyuarat Agung kali ini melibatkan pemilihan Ahli Jawatankuasa yang baharu. Sehubungan itu, calonkanlah pegawai yang selayaknya untuk memegang jawatan tersebut dan dapat menyumbangkan sesuatu yang cemerlang untuk persatuan. Selain itu, saya berharap agar barisan pengurusan MBSP terutamanya Pengarah-Pengarah memberikan kebenaran kepada warga di Jabatan masing-masing untuk terlibat dalam semua aktiviti dan program PUSPANITA. Saya menyeru agar setiap warga wanita memberi sumbangan atau mengambil bahagian sekurang-kurangnya sekali dalam aktiviti yang dianjurkan oleh PUSPANITA.

Saya ingin menyeru lagi kepada kakitangan dan pegawai lelaki di MBSP agar mendaftarkan isteri mereka sebagai Ahli dan Suri PUSPANITA. Tanpa kita sedari banyak faedah yang diperolehi setelah menjadi Ahli PUSPANITA MBSP. Bagi warga kerja wanita di MBSP, saya percaya dalam urusan kerja seharian, puan-puan mempunyai banyak tugas yang hendak dilakukan. Namun, pekerja wanita perlulah menghadapi cabaran-cabaran dalam kerja dengan azam untuk memperbaiki lagi diri dan kerjaya dengan menjadi ahli pasukan PUSPANITA yang mampu menggerakkan perubahan serta melibatkan diri secara aktif dalam program dan aktiviti PUSPANITA.

Dengan persekitaran dunia semasa yang berubah-ubah, saya ingin sarankan agar semua ahli untuk sentiasa berusaha mempertingkatkan ilmu dan keupayaan diri. Segala hasrat, perancangan dan aktiviti PUSPANITA juga mesti berdaya saing dan bercitrakan kreativiti dan inovasi.

Kejayaan sesebuah organisasi atau pertubuhan, tidak terletak hanya kepada kepimpinan sahaja. Setiap anggota memainkan peranan di dalam kejayaan sesebuah organisasi. Saya berharap agar ahli-ahli memberikan sokongan dan kerjasama kepada ahli jawatankuasa. Setiap ahli juga perlu memainkan peranan dengan memberikan cadangan yang positif kepada ahli jawatankuasa mengenai program atau aktiviti yang boleh mereka laksanakan. Semoga semangat kerja berpasukan akan dipupuk di kalangan ahli PUSPANITA MBSP agar kita disegani. Saya berdoa semoga semua usaha puan-puan di masa akan datang mendapat kejayaan.

Di kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada PUSPANITA, terutama kepada barisan tertinggi dan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA di atas kesungguhan dan komitmen dalam bersama-sama melaksanakan pelbagai aktiviti dan program. Saya berharap agar kita semua dapat bekerja dalam satu pasukan yang mantap dan menepis segala sikap yang tidak baik dalam diri kita serta memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya

pasti dengan komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada semua hadirin pada hari ini. Juga, tahniah dan syabas kepada Pengerusi PUSPANITA dan seluruh jawatankuasanya, serta ahli-ahli PUSPANITA atas kerjasama yang diberikan dalam menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan ini. Semoga semangat kekitaan dan talian persahabatan yang terjalin dalam PUSPANITA sentiasa diteruskan, dan turut dizahirkan semasa melaksanakan tugas-tugas harian kita.

Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, sukacitanya saya menyempurnakan perasmian “Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali Ke 24 Tahun 2023”.

Sekian. Terima Kasih

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh